

06 APR 1997

MALAYSIA/KUWAIT SETUJU BERNAMA-KUNA ADAKAN HUBUNGAN TERUS

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan Kuwait hari ini bersetuju supaya agensi berita nasional mereka mengadakan hubungan terus bagi membolehkan kedua-dua negara memperolehi maklumat tepat secara langsung.

Perdana Menteri berkata ini penting kerana kedua-dua negara sekarang menerima laporan mengenai negara masing-masing melalui agensi asing yang kadangkala tidak tepat.

Beliau berkata persetujuan itu dicapai dalam pertemuan dua hala Malaysia dan Kuwait di Istana Bayan di sini.

Kuwait diketuai Pemangku Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah.

"Oleh kerana kedua-dua negara menerima laporan mengenai negara masing-masing melalui akhbar atau agensi berita asing, ada baiknya kita adakan hubungan terus agensi berita kita (Bernama dan Kuna) supaya kita dapat maklumat terus dari negara masing-masing," kata Dr Mahathir kepada wartawan Malaysia di sini.

Dr Mahathir yang mengetuai delegasi Malaysia ke pertemuan itu kemudian menyaksikan upacara menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda antara kedua-dua negara.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mewakili Malaysia pada majlis itu. -- BERNAMA

ARA RON